

JUMAAT, 7 MAC, 1980

Menyediakan tenaga teknologis

Rencaknya perkembangan industri di negara ini menuntut tenaga teknologis yang semakin ramai, dari pekerja-pekerja mahir hinggalah kepada pakar-pakar berbagai bidang teknik. Keperluan kepada tenaga golongan ini yang lebih banyak akan lebih dirasakan dalam tahun-tahun yang akan datang bila projek-projek industri yang dirancang di masa lepas dan pelaburan-pelaburan asing yang berjaya ditarik ke sini mulai memulakan kegiatan. Kita selalu bercakap tentang pemindahan teknologi pelabur-pelabur asing kepada anak negeri, tetapi pemindahan itu sulit akan berlaku jika yang menerimanya belum benar-benar bersedia. Persediaan bagi mereka ialah pengetahuan asas dalam bidang-bidang teknologi yang diperlukan itu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad, kelmarin menyeru institusi-institusi pelajaran tinggi di negara ini supaya merancang kursus-kursusnya sesuai dengan keperluan tenaga manusia masa depan ini, dan bukannya mengeluarkan cerdik pandai yang tidak dapat digunakan di mana-mana. Oleh kerana semua institusi pelajaran tinggi di sini sebenarnya di bawah tadbiran Kerajaan, walaupun masing-masing mempunyai kuasa otonomi, tentulah hakikat ini tidak sulit dilakukan. Dan nampaknya inilah juga yang sedang berlaku sekarang.

Bagaimanapun, seperti yang dikatakan oleh Menteri Pelajaran, Datuk Musa Hitam, perbincangan dan kerjasama yang rapat bukan saja dengan Kerajaan tetapi juga dengan institusi industri adalah penting, kerana keperluan-keperluan itu hanya benar-benar diketahui oleh sektor ini. Dan, dengan jalan ini juga pihak swasta itu dapat memberi sumbangan ke arah melatih tenaga yang diperlukan. Apa yang berlaku sekarang ialah beban latihan ini dipikulkan sepenuhnya kepada Kerajaan, sementara pihak swasta "mencopet" tenaga-tenaga terlatih yang diperlukannya dari Kerajaan.

Kementerian Pelajaran sendiri, menurut Datuk Musa Hitam, sedang menyediakan rancangan ke arah ini dengan memberikan tumpuan besarnya kepada pelajaran teknik dan vokesyenal di bawah Rancangan Malaysia Keempat nanti. Antara projek yang akan dilaksanakan ialah kampus baru bagi UTM, membina lima buah politeknik baru, 24 sekolah menengah vokesyenal dan juga menambah lagi kemudahan-kemudahan pada institusi-institusi yang sedia. Dengan segala persediaan ini, harapan pemindahan teknologi yang dibawa oleh pelabur-pelabur asing itu tidaklah akan sesia saja. Inilah caranya kita memenafaatkan kemudahan-kemudahan yang diberi kepada pelabur-pelabur asing itu.